

PM mahu jenayah di sekolah dihapuskan ke tahap sifar

kegiatan yang boleh mendidik dan membina sahsiah pelajar selain memberikan kemahiran sosial bagi memenuhi tanggungjawab kepada masyarakat.

Untuk itu beliau berkata, pelajar sekurang-kurangnya perlu menyertai tiga jenis aktiviti kokurikulum iaitu satu pasukan beruniform, sukan dan persatuan di sekolah.

"Ini dengan sendiri dapat membantu keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dijalankan oleh kerajaan sekarang," katanya.

Dalam pada itu, Abdullah juga mahu prestasi Universiti tempatan dipertingkatkan kerana institusi Pengajian tinggi di negara ini masih

belum meraih peratus daripada tahap kedu-
dukan seluruh Universiti di Asia.

"Ini adalah peranan penting yang perlu dimainkan Kementerian Pengajian Tinggi," tegasnya.

Beliau memberitahu, dengan prasarana yang ada, negara ini juga perlu melahirkan tenaga manusia kelas pertama dan dapat melonjakkan kejayaan ke tahap yang lebih tinggi dan bukannya mendatar.

"Kita juga perlu menyediakan perkhidmatan dan produk yang mempunyai nilai tambah bagi membolehkan negara bersaing." katanya.